

Usim komited banteras dadah

14 SEPTEMBER 2015

NILAI - Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (Acreda), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) melaksanakan projek 'Empowering Youth for Drug-Free Community' (EYDFC) 2015 dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia.

Penganjuran program ini di USIM di sini selama tujuh hari mulai hari ini adalah dengan kerjasama Asia-Pacific University Community Engagement Network (APUCEN), Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), Pengasih Malaysia dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Pengarah Acreda, Prof Madya Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani berkata, penganjuran bersama ini diharapkan dapat memberi pendedahan awal kepada golongan belia tentang langkah pencegahan, rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah yang boleh dilaksanakan bagi menghadapi masalah yang kian meruncing dalam kalangan masyarakat.

"Objektif utama penganjuran adalah untuk menyebarkan maklumat dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat khususnya golongan remaja mengenai peranan mereka untuk turut terlibat dalam segala usaha pencegahan penyalahgunaan dadah. Melalui program ini para peserta akan dapat menimba maklumat berkenaan perancangan dan pelaksanaan beberapa program pencegahan yang merangkumi aspek pencegahan dadah awalan, pencegahan sekunder dan pencegahan lanjutan.

"Seterusnya peserta turut didedahkan dengan asas rawatan dan pemulihan ketagihan dadah berdasarkan pendekatan terapi psikospiritual Islam, selain memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada pusat-pusat rawatan dan pemulihan yang di dilawati," katanya di sini hari ini.

Katanya, sasaran program ini adalah golongan belia berumur 17 hingga 40 tahun memandangkan hasil statistik terkini yang dikeluarkan oleh pihak AADK menunjukkan terdapat lebih 60 peratus daripada 7,000 kes penyalahgunaan dadah yang direkodkan berlaku dalam kalangan belia.

"Perkara ini jelas menunjukkan bahawa golongan ini sangat berisiko tinggi untuk terlibat dengan ancaman bahaya dadah," katanya.

Dr Rushdan berkata, program ini akan dijalankan dalam tiga bentuk iaitu pertama ialah pengajaran dan pembelajaran secara interaktif di dalam kelas di mana peserta akan diberi pendedahan dan berbincang tentang permasalahan dadah secara menyeluruh.

"Kedua mereka akan belajar secara langsung di mana peserta akan bertemu dengan golongan bermasalah atau mereka yang berpotensi untuk terlibat dalam najis dadah dan ketiga, mereka akan dilatih untuk bersama masyarakat dan menyampaikan tentang bahaya dadah," katanya.

Katanya, program seperti ini menjadi sasaran utama dalam aktiviti kajian dan pembelajaran di Acreda kerana pencegahan dalam kalangan golongan muda adalah amat penting untuk membendung masalah dadah di negara ini.

Beliau berharap program ini bukan sahaja mampu mewujudkan kesedaran tentang bahaya dadah, tetapi mereka juga boleh menjadi agen pencegahan dadah di peringkat komuniti. - Bernama